

PUSAT KO-KURIKULUM KIAS

Pengenalan

Pusat Ko-kurikulum KIAS merupakan satu unit di bawah Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP), mula ditubuhkan pada tahun 2018 bagi menguruskan dan menyelaraskan segala aktiviti ko-kurikulum pelajar-pelajar Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) yang melibatkan kelab, persatuan dan pertandingan sama ada pada peringkat kolej, IPTA/IPTS dan seterusnya. Sebelum penubuhan Pusat Ko-Kurikulum KIAS, segala aktiviti pelajar di luar kelas dikendalikan oleh Unit Pembangunan Pelajar di bawah HEP.

Selain pengendalian terhadap aktiviti ko-kurikulum pelajar, Pusat Ko-Kurikulum KIAS juga menyelaraskan dan menguruskan kursus-kursus ko-kurikulum berkredit yang merupakan kursus wajib bagi setiap pelajar sekurang-kurangnya satu semester di KIAS.

Misi

- Membantu para pelajar KIAS bergiat aktif dalam kelab dan persatuan seterusnya memberikan pengalaman berorganisasi dan nilai tambah apabila bergelar graduan.
- Membuka peluang kepada para pelajar KIAS untuk mengetengahkan bakat dan kelebihan yang dimiliki sehingga mendapat pengiktirafan daripada dalam dan luar KIAS.
- Merealisasikan hasrat KIAS agar pelajar mempunyai kemahiran individu dan skil yang pelbagai apabila tamat belajar di kolej.

Visi

- Melahirkan pelajar Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) yang berdaya saing dalam aktiviti sukan, kemasyarakatan dan kepimpinan.

Aktiviti

- Menyelaraskan segala aktiviti kelab dan persatuan.
- Menguruskan keterlibatan pelajar dalam sukan dan pertandingan di peringkat IPTA/IPTS.
- Menyelia kursus-kursus berbentuk ko-kurikulum melalui penawaran kursus ko-berkredit kepada pelajar.

Senarai Kelab

Berikut merupakan kelab-kelab yang berdaftar di bawah Pusat Ko-Kurikulum KIAS;

- Kelab Hafazan & Tarannum
- Kelab Munsyid
- Kelab Kaligrafi & Khat
- Kelab Seni, Sastera & Budaya
- Kelab Jahitan
- Kelab Falak
- Kelab Siber Muslim
- Kelab Kaunseling & Fasilitator
- Kelab Gerakan Pengguna Siswa
- Kelab Wartawan
- Kelab Pengucapan Umum
- Kelab Kulinari
- Kelab Sahabat Faqih
- Kelab Bola Sepak

- Kelab Futsal
- Kelab Ping Pong
- Kelab Sepak Takraw
- Kelab Bola Tampar
- Kelab Badminton
- Kelab Silat
- Kelab Bola Jaring
- Kelab Memanah
- Kelab Catur

Senarai Kursus Kokurikulum Berkredit

Berikut merupakan senarai kursus kokurikulum berkredit di KIAS yang dibahagikan kepada empat (4) atribut. Namun begitu penawaran kursus kokurikulum berkredit bagi setiap semester adalah tertakluk kepada kesesuaian, perubahan dan syarat tertentu.

1. Teras Badan Beruniform
 - Siswa Siswi Pertahanan Awam
 - Kelana Siswa
 - Briged Bakti Malaysia
 - Briged Bomba

2. Teras Kemahiran
 - Jahitan
 - Seni Kaligrafi & Khat
 - Falak
 - Kewartawanan
 - Pengurusan Masjid
 - Kulinari
 - Seni Al-Quran

3. Teras Sukan
 - Bola Sepak
 - Futsal
 - Sepak Takraw
 - Badminton
 - Ping Pong
 - Bola Jaring
 - Silat

4. Teras Daya Usaha & Inovasi
 - Pembangunan Laman Web
 - Videografi
 - Senireka Grafik dan Fotografi
 - Landskap
 - Mutawwif